

SULIT



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2022/2023**

NAMA KURSUS : BIMBINGAN DAN KAUNSELING

KOD KURSUS : BBD 30302

KOD PROGRAM : BBA/BBC/BBD/BBE/BBF

TARIKH PEPERIKSAAN : JULAI/ OGOS 2023

JANGKA MASA : 2 JAM

ARAHAN : 1. JAWAB SEMUA SOALAN.

2. PEPERIKSAAN AKHIR INI
DILAKSANAKAN SECARA TUTUP BUKU .

3. PELAJAR TIDAK DIBENARKAN
MERUJUK KEPADA MANA-MANA SUMBER
RUJUKAN BAGI PEPERIKSAAN YANG
DILAKSANAKAN SECARA TUTUP BUKU.

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI DUA PULUH DUA (22) MUKA SURAT

SULIT

TERBUKA

SULIT

BBD 30302

- S1** Berikut merupakan ciri-ciri kaunseling di sekolah kecuali
- krisis
 - pembetulan
 - pencegahan
 - perkembangan
- S2** Antara berikut, manakah **benar** tentang perbezaan antara kaunseling dan bimbingan?
- Kaunseling merupakan satu bentuk terapi kerohanian manakala bimbingan merupakan terapi fizikal
 - Kaunseling merupakan ciri khusus institusi pendidikan manakala bimbingan melibatkan institusi bukan pendidikan
 - Kaunseling mestilah dilaksanakan oleh kaunselor bertauliah manakala bimbingan boleh dilakukan tanpa lesen dan tauliah khusus
 - Kaunseling harus dilaksanakan secara individu manakala bimbingan boleh dilaksanakan secara individu ataupun berkelompok
- S3** Pengaplikasian proses mengingat kembali masa lalu dengan mempelajari masa lalu ialah
- tujuan terapi
 - teknik terapi
 - prinsip terapi
 - kaedah terapi
- S4** Apakah tujuan bimbingan dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di institusi pendidikan?
- Menunjukkan hala tuju masa depan pelajar
 - Merawat dan memulihkan keadaan pelajar
 - Mencegah dan membendung kesilapan pelajar
 - Memudahkan pelajar membuat keputusan secara terarah
- S5** Antara berikut, manakah **bukan** prinsip bimbingan yang perlu dipatuhi oleh seseorang guru bimbingan dan kaunseling semasa mengendalikan sesi bimbingan?
- Sentiasa mengutamakan klien dalam perbincangan
 - Bersedia menerima klien mengikut keadaan dan situasi
 - Cuba mempengaruhi dan mendesak klien untuk menyertai bimbingan
 - Melaksanakan aktiviti yang kolaboratif bersama rakan serta guru-guru lain
- S6** Semasa menjalankan sesi bimbingan, apakah kepentingan bersikap profesional?
- Menggalakkan pemikiran tahap tinggi
 - Mengekalkan hubungan harmonis (*rapport*)
 - Mengurangkan jurang antara pembimbing dengan klien
 - Mengelakkan hubungan tidak sihat antara pembimbing dan klien

Klien dan kaunselor menyedari bahawa unsur nilai termasuk nilai kebenaran, etika dan estetika harus diikiraf, dimenangkan dan dikembangkan walaupun dalam keadaan paling minimum dan susah payah.

Rajah S7

- S7** Apakah falsafah dalam pelaksanaan kaunseling yang dijelaskan pada **Rajah S7**?
- Aksiologi
 - Ontologi
 - Andragogi
 - Epistemologi
- S8** Konsep ini wujud dalam seseorang individu seawal umur 5 tahun. Perkembangan personalitinya dipengaruhi oleh faktor luaran. Selain itu, personalitinya juga dipengaruhi oleh didikan moral dan agama. Apakah peringkat struktur personaliti yang dimaksudkan oleh pernyataan tersebut?
- Id
 - Ego
 - Praego
 - Superego
- S9** Kaunselor A mengenali seorang pelajar yang melanggar disiplin di sekolah kerana mereka berjiran. Pelajar tersebut dikecualikan dalam siri kaunseling dan terus dikenakan tindakan disiplin. Apakah sifat kaunselor yang tidak dimiliki oleh Kaunselor A?
- Ketepatan
 - Ketulenan
 - Tidak menghukum
 - Penerimaan dan kemesraan

- Kaunselor mengambil masa sebelum membuat rumusan
- Kaunselor tidak berat sebelah semasa mengendalikan sesi kaunseling
- Kaunselor menyatakan kebaikan dan keburukan tindakan yang diambil tanpa berselindung

Rajah S10

- S10** Antara berikut, manakah paling tepat dapat dikaitkan dengan **Rajah S10**?
- Ketepatan
 - Ketulenan
 - Tidak menghukum
 - Penerimaan dan kemesraan

SULIT

BBD 30302

- S11** Apakah tujuan seseorang kaunselor mengenal pasti punca masalah klien sebagai salah satu daripada prosedur kaunseling?
- A. Mengetahui keadaan emosi, pemikiran dan kestabilan diri klien
 - B. Mewujudkan suasana mesra supaya klien berasa dirinya diterima
 - C. Menyediakan kaunselor mengetahui serba sedikit tentang profil klien
 - D. Mengenal pasti kaedah rawatan atau tindakan susulan yang tepat dan bersasar
- S12** Seorang kaunselor yang berpegang kepada falsafah ini akan menghormati pencarian maklumat yang tepat serta menolak sesuatu yang tidak sahih. Manakah antara berikut tepat tentang falsafah tersebut?
- A. Aksiologi
 - B. Ontologi
 - C. Andragogi
 - D. Epistemologi

“Sepanjang perbincangan kita, cikgu dapati bahawa Suhaila mempunyai dua masalah iaitu masalah dengan keluarga dan masalah kewangan. Antara kedua-dua masalah ini, masalah mana yang paling mengganggu Suhaila?” Tanya Cikgu Juli kepada Suhaila.

Rajah S13

- S13** Berdasarkan **Rajah S13**, apakah tujuan Cikgu Juli bertanyakan soalan itu kepada Suhaila?
- A. Meneroka masalah
 - B. Membina hubungan
 - C. Membincang alternatif
 - D. Mengenal pasti punca masalah
- S14** Apakah yang dimaksudkan dengan tujuan terapi dalam Teori Psikologi Individu Alfred Adler?
- A. Mengurangi minat sosial
 - B. Meningkatkan keberanian
 - C. Mendorong kemasyarakatan
 - D. Menambahkan perasaan rendah diri
- S15** “Tanpa perhatian dan tiada kefahaman, maka komunikasi tidak akan wujud’. Apakah kemahiran yang tepat dapat dikaitkan dengan pernyataan tersebut?
- A. Kemahiran refleksi
 - B. Kemahiran mendengar
 - C. Kemahiran memahami
 - D. Kemahiran berkomunikasi

SULIT

BBB 30302

- S16** Manakah antara berikut menerangkan tentang konsep bimbingan dan kaunseling menurut perspektif Islam dengan tepat?
- A. Kaunselor memberi klien peluang untuk meneroka diri mereka dalam memenuhi kehendak dan motif dalaman
 - B. Kaunselor bertumpu kepada perubahan tingkah laku klien dengan cara menyusun latihan dan amal ibadah yang sesuai
 - C. Kaunselor meningkatkan kefahaman agama dalam diri klien agar klien dapat menangani permasalahan dengan cepat
 - D. Kaunselor membantu klien membuat keputusan dan memberi pandangan mengikut garisan Syariah untuk kebaikan diri sendiri dan masyarakat
- S17** Konsep etika kaunseling yang manakah menunjukkan bahawa seseorang individu berupaya memahami implikasi dan akibat daripada pilihan yang dibuat?
- A. *Fidelity*
 - B. *Autonomy*
 - C. *Beneficence*
 - D. *Nonmaleficence*
- S18** Teori ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada individu bahawa mereka mempunyai tanggungjawab yang unik dilihat daripada aspek yang luas. Seseorang individu terdiri daripada komponen-komponen masyarakat yang menyumbang dalam memberikan imej dirinya secara total. Situasi sebenar adalah lebih besar daripada sekadar keratan-keratan masalah yang dilihat secara terpisah-pisah. Antara berikut, manakah teori yang dijelaskan berdasarkan kenyataan tersebut?
- A. Teori Realiti
 - B. Teori Gestalt
 - C. Teori Eklektik
 - D. Teori Pemusatkan Klien
- S19** Manakah antara berikut tepat menerangkan peristiwa atau suasana setelah perlakuan negatif ditunjukkan dalam rantaian ABC?
- A. A - *Antecedent*
 - B. B - *Behaviour*
 - C. C - *Consequence*
 - D. C - *Consistency*
- S20** Cikgu Hana, kaunselor yang bertugas sedaya upaya menunjukkan bahawa cara berfikir klien perlu logik. Cikgu Hana menunjukkan pola hubungan antara pemikiran logik dan perasaan tidak bahagia atau gangguan emosi yang dialami oleh klien. Apakah langkah yang diaplikasikan oleh Cikgu Hana?
- A. Langkah ABC
 - B. Langkah RET
 - C. Langkah WDEP
 - D. Langkah SOLER

SULIT

BBD 30302

- S21** Antara berikut, manakah bukan aspek utama Terapi Rasional Emotif (RET)?
A. Emosi
B. Kognitif
C. Gangguan
D. Tingkah laku
- S22** Konsep Y menyatakan bahawa kaunselor perlu menjaga batasan dalam perhubungan, tidak cuai serta sentiasa mengekalkan rasa hormatnya kepada klien di samping mengelak daripada melakukan sesuatu untuk kepentingan diri. Antara berikut, manakah konsep Y?
A. *Fidelity*
B. *Autonomy*
C. *Beneficence*
D. *Nonmaleficence*
- S23** Antara berikut, manakah teori yang paling sesuai digunakan untuk merawat klien yang meminta bantuan berkaitan dengan amalan hariannya yang menyebabkan gangguan tidur dan jadual hariannya terjejas?
A. Teori Realiti
B. Teori Eklektik
C. Teori Perlakuan
D. Teori Psikoanalisis



Rajah S24

- S24** **Rajah S24** menunjukkan salah satu tahap kesedaran manusia mengikut pelopor Teori Psikoanalisis iaitu Sigmund Freud. Manakah tahap kesedaran manusia boleh diterjemahkan pada **Rajah S24**?
A. Alam sedar
B. Alam mimpi
C. Alam prasedar
D. Alam tidak sedar

SULIT

BBD 30302

- S25** Semasa sesi kaunseling, Cikgu Amir Irfan iaitu kaunselor Kolej Vokasional Seri Parit menegaskan penggunaan frasa ‘di sini’ dan pada ‘ketika ini’. Selain itu, Cikgu Amir Irfan juga selalu mengelakkan memberi penumpuan kepada peristiwa-peristiwa lampau serta perasaan-perasaan yang tidak baik semasa sesi kaunseling. Apakah teknik yang diaplikasikan oleh Cikgu Amir Irfan?
- A. Kelucuan
 - B. Konfrantasi
 - C. Keterlibatan
 - D. Main peranan
- S26** Dalam rantaian ABC Teori Perlakuan, perubahan tingkah laku berlaku melalui persekitaran dan mengetahui kesan daripada peristiwa yang akan berlaku. Manakah antara berikut tepat menerangkan pernyataan tersebut?
- A. A - *Antecedent*
 - B. B - *Behaviour*
 - C. C - *Consequence*
 - D. C - *Consistency*
- S27** Manusia merupakan makhluk yang berfikiran rasional dan tidak rasional. Seseorang individu itu akan berasakan dirinya menghadapi masalah apabila tidak dapat mencapai matlamatnya. Apakah teori yang paling tepat dapat dikaitkan dengan pernyataan tersebut?
- A. Teori Gestalt
 - B. Teori Eklektik
 - C. Teori Psikologi Individu
 - D. Terapi Rasional Emotif Tingkah Laku

Ketika ini, Fionivian memasak di dapur. Kemudian, Fionivian menyiapkan tugas dan projek Kursus Bimbingan dan Kaunseling bersama-sama rakan sekuliah sambil berbincang.

Rajah S28

- S28** **Rajah S28** menunjukkan salah satu tahap kesedaran manusia mengikut pelopor Teori Psikoanalisis iaitu Sigmund Freud. Manakah tahap kesedaran manusia boleh diterjemahkan pada **Rajah S28**?
- A. Alam sedar
 - B. Alam mimpi
 - C. Alam prasedar
 - D. Alam bawah sedar

- S29** Antara berikut, manakah merupakan konsep kaunseling yang menerangkan tentang kepatuhan kaunselor kepada organisasi, majikan dan profesionnya?
- A. *Fidelity*
 - B. *Autonomy*
 - C. *Beneficence*
 - D. *Nonmaleficence*
- S30** Prinsip X menyatakan bahawa persepsi subjektif manusia membentuk perilaku dan struktur keperibadian yang meyakinkan. Apakah teori X?
- A. Teori Realiti
 - B. Teori Perlakuan
 - C. Teori Rasional Emotif
 - D. Teori Psikologi Individu

Cikgu Lily Hani merupakan seorang kaunselor yang sentiasa menunjukkan sikap tidak pilih kasih dan memberi layanan tidak berbelah bahagi kepada semua klien tanpa syarat. Hal ini kerana keadilan merupakan perkara yang asas untuk mengukuhkan kepercayaan klien kepada kaunselor.

Rajah S31

- S31** Manakah antara konsep etika kaunseling yang paling tepat dapat dijelaskan oleh watak Cikgu Lily Hani seperti pada **Rajah S31**?
- A. *Justice*
 - B. *Autonomy*
 - C. *Beneficence*
 - D. *Nonmaleficence*
- S32** Antara berikut, manakah program yang paling sesuai dilaksanakan untuk membantu menyelesaikan masalah kerjaya pelajar?
- A. Kem bina insan
 - B. Kursus motivasi
 - C. Lawatan sambil belajar
 - D. Pembimbing Rakan Sebaya
- S33** Manakah bukan menerangkan akauntabiliti seorang guru bimbingan dan kaunseling terhadap profesionnya?
- A. Mematuhi semua peraturan yang dikuatkuasakan
 - B. Melaksanakan tanggungjawab dengan sepenuh hati
 - C. Menjalin hubungan yang mesra dengan rakan sejawat
 - D. Meningkatkan pengetahuan berkaitan dengan profesi

- S34** Pilih kenyataan yang menunjukkan matlamat pendekatan Teori Psikoanalisis?
- I Membuat perubahan perwatakan
 - II Membentuk peringkat kefahaman kendiri
 - III Mengubah suai struktur perwatakan individu
 - IV Mengubah perkara yang bawah sedar kepada sedar
- A. I dan II sahaja
 - B. I dan IV sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV
- S35** Antara berikut, manakah merupakan aspek utama Terapi Rasional Emotif (RET)?
- I Emosi
 - II Kognitif
 - III Tingkah laku
 - IV Membuat refleksi
- A. I dan III sahaja
 - B. I, II dan III sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV
- S36** Antara berikut, manakah merupakan elemen kepentingan kebolehpercayaan ujian dalam kaunseling?
- I Menghasilkan ujian yang stabil
 - II Menggalakkan kecerdasan pelajar
 - III Markah diberikan berdasarkan pencapaian
 - IV Dapat menilai kemahiran, pengetahuan dan sikap pelajar
- A. I dan II sahaja
 - B. I, III dan IV sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV
- S37** Antara berikut, manakah perkhidmatan yang ditawarkan oleh unit bimbingan dan kaunseling di sekolah?
- I Inventori dan rekod
 - II Perkhidmatan sosial
 - III Perkhidmatan penilaian
 - IV Perkhidmatan penempatan
- A. I dan II sahaja
 - B. I, III dan IV sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV

SULIT

BBD 30302

- S38** Antara berikut, manakah merupakan aspek-aspek yang harus dikembangkan dalam perkhidmatan bimbingan di sekolah?
- I Perkembangan emosi
II Perkembangan kerjaya
III Perkembangan akademik
IV Perkembangan peribadi dan sosial
- A. I, II dan III sahaja
B. I, II dan IV sahaja
C. I, III dan IV sahaja
D. II, III dan IV sahaja
- S39** Antara berikut, manakah merupakan tiga kategori klien kaunseling kelompok atau individu tentang cara bagaimana pertemuan kaunseling untuk mereka diadakan oleh pihak sekolah?
- I Dirujuk
II Dipaksa
III Sukarela
IV Dijemput
- A. I dan II sahaja
B. I, II dan III sahaja
C. I, III dan IV sahaja
D. II, III dan IV sahaja
- S40** Manakah antara berikut merupakan contoh konfrantasi yang boleh dilakukan oleh kaunselor kepada kliennya?
- I Awak seorang yang lantang tetapi awak bersifat pemalu
II Awak telah berusaha sehabis baik dan saya sedang melihat kesungguhan awak
III Tadi awak kata ingin menyambung pengajian tetapi belum menghubungi institusi latihan yang berkenaan
IV Awak kata ingin menghabiskan lebih masa dengan ibu awak tetapi perbuatan awak tidak menunjukkan sedemikian
- A. I dan II sahaja
B. I, III dan IV sahaja
C. II, III dan IV sahaja
D. I, II, III dan IV

- S41** Manakah antara berikut merupakan prinsip-prinsip bimbingan peribadi dan sosial yang ditawarkan di institusi pendidikan?
- I Menyelesaikan konflik yang berlaku kepada individu
 - II Menggalakkan klien untuk melaksanakan pemahaman kendiri
 - III Memberi bantuan yang bersesuaian dengan keperluan individu
 - IV Mengembang dan mendapatkan kesempatan untuk pencapaian dalam kerjaya
- A. I dan II sahaja
 - B. II dan III sahaja
 - C. I, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV
- S42** Manakah merupakan persamaan antara pelaksanaan kaunseling barat dan Islam?
- I Kaunseling Islam terhad kepada penganut Islam sahaja
 - II Manusia dihidupkan dengan tujuan menyuburkan kebaikan
 - III Setiap orang mempunyai keunikan tersendiri yang harus diterima
 - IV Prinsip kemanusiaan dan budaya harus diambil kira dalam kaunseling
- A. I, II dan III sahaja
 - B. I, II dan IV sahaja
 - C. I, III dan IV sahaja
 - D. II, III dan IV sahaja
- S43** Antara berikut, manakah merupakan kod tatalaku guru bimbingan dan kaunseling sepenuh masa?
- I Tanggungjawab terhadap klien
 - II Tanggungjawab terhadap masyarakat
 - III Tanggungjawab terhadap keluarga klien
 - IV Tanggungjawab terhadap rakan profesional
- A. I dan III sahaja
 - B. I, II dan IV sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV
- S44** Manakah merupakan ciri-ciri falsafah kewujudan (ontologi) yang membantu kejayaan sesi kaunseling?
- I Manusia dihidupkan dengan tujuan kebaikan
 - II Setiap orang mempunyai keunikan tersendiri
 - III Setiap kehendak harus dipenuhi tanpa menghiraukan orang lain
 - IV Manusia muncul sebagai elemen untuk seimbangkan alam sejagat
- A. I, II dan III sahaja
 - B. I, II dan IV sahaja
 - C. I, III dan IV sahaja
 - D. II, III dan IV sahaja

S45 Antara berikut, manakah tepat menunjukkan tanggungjawab seorang kaunselor?

- I Mengukuhkan tingkah laku klien yang wajar
 - II Mengawal tingkah laku klien yang kurang wajar
 - III Membantu klien mengurus tingkah laku kurang wajar
 - IV Memerhati tingkah laku klien yang berlainan atau berbeza
- A. I dan III sahaja
 - B. I, II dan III sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV

S46 Manakah antara berikut menggambarkan masa yang sesuai untuk pelaksanaan prosedur membincangkan alternatif dalam sesi kaunseling?

- I Wujud terlalu banyak minat tetapi tidak mampu ditangani dalam satu masa
 - II Terdapat ramai penyokong setia tetapi sukar mendapat masa untuk bersendiri
 - III Terdapat banyak kemungkinan daripada tindakan sedangkan masa dan kos adalah terbatas
 - IV Terdapat daya tarikan dalam pelbagai bidang yang diminati tetapi sukar menyesuaikan dengan kemampuan diri
- A. I dan II sahaja
 - B. I, III dan IV sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV

S47 Manakah merupakan tujuan parafrasa dalam prosedur kaunseling?

- I Membuat penilaian
 - II Menyemak persepsi
 - III Meminta penjelasan
 - IV Memberikan galakan
- A. I dan II sahaja
 - B. I, III dan IV sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV

S48 Antara berikut, manakah merupakan ciri-ciri seorang kaunselor yang baik?

- I Memahami keunikan setiap klien
 - II Mempunyai kemahiran mendengar yang baik
 - III Sedia menolong, memahami, mesra dan ikhlas membantu
 - IV Memberi galakan klien berubah daripada adaptif kepada maladaptif
- A. I dan III sahaja
 - B. I, II dan III sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV

SULIT

BBB 30302

- S49** Antara berikut, manakah merupakan perkhidmatan pemberian maklumat yang disediakan oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling sekolah?
- I Mengedarkan risalah tentang peluang kerjaya
 - II Mengumpul butiran berkaitan minat dan potensi pelajar
 - III Mengadakan lawatan sambil belajar ke kilang dan industri
 - IV Mengedarkan risalah tentang peluang melanjutkan pelajaran
- A. I dan II sahaja
 - B. I, III dan IV sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV
- S50** Antara berikut, manakah merupakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling berkelompok?
- I Menubuh dan melatih pasukan Pembimbing Rakan Sebaya dan menyelia aktiviti mereka
 - II Membincangkan tentang sesuatu topik yang bersesuaian dengan kelompok tertentu
 - III Membantu pelajar memilih mata pelajaran elektif untuk peperiksaan seperti SPM dan STPM
 - IV Mengelola dan melaksanakan aktiviti bimbingan dan kaunseling kelompok dan tunjuk ajar
- A. I dan II sahaja
 - B. I, III dan IV sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV
- S51** Antara berikut, manakah merupakan etika kaunseling Persatuan Kaunselor Malaysia (PERKAMA)?
- I Kaunselor dituntut supaya bertanggungjawab mengutamakan kepentingan klien individu
 - II Kaunselor dituntut supaya bertanggungjawab mengutamakan kepentingan klien organisasi
 - III Kaunselor perlu menyembunyikan perkara tertentu untuk menjaga emosi dan perasaan klien
 - IV Kaunselor boleh menerima perasaan cinta klien jika perkara itu dapat menyelesaikan masalah klien
- A. I dan II sahaja
 - B. III dan IV sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. II, III dan IV sahaja

- S52** Antara berikut, manakah merupakan jenis perkhidmatan bimbingan yang disediakan di sekolah?
- I Perkhidmatan kebajikan
II Perkhidmatan penempatan
III Perkhidmatan pendidikan pencegahan dadah
IV Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kelompok
- A. I dan III sahaja
B. I, II dan IV sahaja
C. II, III dan IV sahaja
D. I, II, III dan IV
- S53** Manakah antara berikut merupakan konsep Teori Eklektik yang dipelopori oleh Fredrick Thorne?
- I Berpegang pada pelbagai teori dan pendekatan
II Menghilangkan gangguan emosional dan fizikal secara berterusan
III Mengambil kira kelebihan dan kekurangan pelbagai teori dan pendekatan
IV Berfikiran secara rasional untuk membuat pertimbangan tentang kebaikan dan keburukan
- A. I dan II sahaja
B. I dan III sahaja
C. I, III dan IV sahaja
D. II, III dan IV sahaja
- S54** Susun turutan prosedur proses kaunseling dengan betul.
- I Menamatkan sesi
II Menyediakan sesi
III Penerokaan masalah
IV Mengambil tindakan
V Membincang alternatif
VI Membina perhubungan
VII Mengenal pasti punca utama masalah
- A. II, III, IV, VI, V, VII, I
B. II, VI, III, VII, V, IV, I
C. II, VII, III, IV, VI, V, I
D. II, III, VI, VII, V, IV, I

SULIT

BBB 30302

- S55** Apakah ciri-ciri seorang kaunselor yang mempunyai sifat ketepatan dalam melaksanakan sesi kaunseling?
- I Mengelak auraian berlebihan yang melangkaui tajuk
II Menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh klien
III Menceritakan masalah sebenar sekalipun tidak disukai
IV Melebihkan masa perjumpaan apabila dirasakan perlu
- A. I dan III sahaja
B. I, II dan III sahaja
C. II, III dan IV sahaja
D. I, II, III dan IV
- S56** Proses terapi berdasarkan konsep WDEP bertujuan untuk menolong klien dalam prosedur menuju ke arah perubahan. Antara berikut, manakah merupakan konsep WDEP?
- I Menjalankan penilaian kendiri
II Perbincangan dan melaksanakan tindakan
III Meneroka kehendak, keperluan dan persepsi
IV Melihat tingkah laku dan arah tujuan tindakan
- A. I dan II sahaja
B. I, III dan IV sahaja
C. II, III dan IV sahaja
D. I, II, III dan IV
- S57** Penilaian merupakan alat menentukan kejayaan sesuatu perkara. Antara berikut, manakah merupakan elemen penting dalam penilaian?
- I Norma
II Kesahan
III Kestabilan
IV Kebolehpercayaan
- A. I dan III sahaja
B. I, II dan IV sahaja
C. II, III dan IV sahaja
D. I, II, III dan IV
- S58** Antara berikut, manakah menunjukkan kelebihan Teori Perlakuan?
- I Kaunselor dapat mendengar isi hati klien secara tepat
II Mengurangkan pengaruh negatif akibat kerakusan diri
III Memahami perilaku manusia yang adaptif dan maladatif
IV Menjelaskan kejadian dan tingkah laku manusia dan juga pemikiran
- A. I dan II sahaja
B. I dan IV sahaja
C. I, III dan IV sahaja
D. II, III dan IV sahaja

- S59** Antara berikut, manakah menerangkan bahawa seseorang individu merupakan konfigurasi unik dari segi motif, sikap dan nilai?
- I Keperibadian yang konsisten
 - II Gaya hidup yang dibentuk oleh daya kreatif manusia
 - III Aktiviti dilihat dari sudut pandangan minat dan sosial
 - IV Keperibadian berkeyakinan menjadi gaya hidup seseorang
- A. I dan II sahaja
 - B. I, III dan IV sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV
- S60** Penamatan sesi kaunseling adalah penting untuk meninggalkan beberapa pesanan terakhir dan menggulung isi perbincangan. Antara berikut, manakah merupakan jenis-jenis penamatan sesi dalam prosedur kaunseling?
- I. Penamatan sesi untuk berehat
 - II. Penamatan sesi untuk kebebasan
 - III. Penamatan sesi untuk keseluruhan
 - IV. Penamatan sesi untuk sesi lanjutan
- A. I dan II sahaja
 - B. I dan III sahaja
 - C. II dan IV sahaja
 - D. III dan IV sahaja
- S61** Selain isi percakapan, manakah antara berikut merupakan aspek-aspek penting untuk diperhatikan dalam diri klien yang terangkum dalam kemahiran mendengar dalam sesi kaunseling?
- I Bagaimana diperkatakan
 - II Kekalkan tumpuan dan fahami
 - III Konteks situasi kata-kata itu diluahkan
 - IV Pergerakan tubuh badan semasa berkata-kata
- A. I dan III sahaja
 - B. I, III dan IV sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV

SULIT

BBB 30302

- S62** Menurut Fraenkel dan Wallen (1996), kesahan bermaksud kebolehan ujian mengukur apa yang sepatutnya diukur. Kesahan merujuk kepada kesesuaian dan kekuatan interpretasi markat ujian dan lain-lain keputusan penilaian dengan merujuk kepada kegunaan tertentu alat ukur tersebut.
Berdasarkan pandangan tersebut, manakah menunjukkan jenis kesahan dengan tepat?
- I Kesahan isi
 - II Kesahan muka
 - III Kesahan gagasan
 - IV Kesahan maklumat
- A. II dan IV sahaja
 - B. I, II dan III sahaja
 - C. I, III dan IV sahaja
 - D. II, III dan IV sahaja
- S63** Antara berikut, manakah **bukan** tujuan bimbingan kerjaya dalam konteks bimbingan dan kaunseling di sekolah?
- I Peserta dapat memastikan diri ditempatkan dalam bidang perkerjaan pada masa hadapan tanpa gagal
 - II Peserta dapat mengetahui dan merancang tempat untuk melanjutkan pelajaran pada masa akan datang
 - III Peserta dapat mengenal pasti kriteria diri mereka dan dapat mengidentifikasi bidang pelajaran
 - IV Peserta dapat mengenal pasti kriteria diri, mengidentifikasi bidang pelajaran dan kerjaya yang sesuai dengan dirinya
- A. I dan II sahaja
 - B. I, II dan III sahaja
 - C. I, III dan IV sahaja
 - D. II, III dan IV sahaja
- S64** Terdapat banyak faktor mempengaruhi kebolehpercayaan sesuatu ujian. Antara berikut, manakah merupakan faktor yang mempengaruhi kebolehpercayaan sesuatu ujian?
- I Jangka masa ujian
 - II Bilangan item yang diuji
 - III Pemeriksa dan pemeriksaan
 - IV Format ujian dan pentadbiran ujian
- A. II dan III sahaja
 - B. I, II dan III sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV

- S65** Bilakah masa yang sesuai untuk mengadakan konfrantasi dalam sesi kaunseling?
- I Apabila terdapat percanggahan antara beberapa fakta
 - II Apabila klien tidak melakukan apa yang dijanjikan di sesi sebelumnya
 - III Apabila klien menegakkan sesuatu pendapat atau pegangan yang jelas salah
 - IV Apabila klien ambil keputusan setelah benar-benar mengenal pasti minatnya
- A. I dan II sahaja
 - B. III dan IV sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. I, II, III dan IV
- S66** Pelaksanaan sesuatu ujian perlu menepati pelbagai faktor seperti faktor dalaman dan luaran kesahan. Antara berikut, manakah bukan faktor dalaman kesahan?
- I Pentadbiran ujian
 - II Kekurangan masa
 - III Arahan tidak jelas
 - IV Penggubalan soalan
- A. I dan II sahaja
 - B. I dan IV sahaja
 - C. II dan III sahaja
 - D. III dan IV sahaja
- S67** Antara berikut, manakah merupakan kemahiran refleksi yang perlu dikuasai oleh kaunselor?
- I Refleksi isi
 - II Refleksi perasaan
 - III Refleksi autonomi
 - IV Refleksi pengalaman
- A. I dan III sahaja
 - B. I, II dan IV sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV
- S68** Manakah merupakan tujuan penggunaan ujian psikologikal dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling?
- I Menolong klien membina keyakinan pada konsep kendiri
 - II Menolong klien membuat keputusan dalam masa-masa yang terdesak
 - III Membantu klien memilih bidang pengajian dan pekerjaan yang sesuai
 - IV Meningkatkan lagi pencapaian akademik klien dari semasa ke semasa
- A. I dan II sahaja
 - B. I, III dan IV sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV

- S69** Cikgu Harith merupakan seorang guru mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan di Sekolah Menengah Teknik Parit Perwira. Beliau mementingkan kebolehpercayaan ujian sesuatu mata pelajaran supaya pengukuran dan penilaian yang dilaksanakan adalah tepat. Antara berikut, manakah menunjukkan cara-cara peningkatan kebolehpercayaan sesuatu ujian?
- I Jawapan murid disemak oleh lebih seorang guru
II Soalan dibina menggunakan pelbagai aras bahasa
III Cikgu menyediakan dewan yang tenang dan tiada gangguan
IV Skema perlu disediakan untuk dijadikan panduan pemeriksa
- A I dan II sahaja
B I, III dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV
- S70** Setiap individu mempunyai personaliti yang berbeza antara satu sama lain. Antara berikut, manakah merupakan tujuan utama ujian personaliti dijalankan ke atas klien?
- I Mengenal pasti potensi diri
II Mengenal pasti keupayaan diri
III Mengenal pasti minat seseorang
IV Mengenal pasti tahap kemahiran
- A. I dan III sahaja
B. I, II dan IV sahaja
C. II, III dan IV sahaja
D. I, II, III dan IV
- S71** Najis dadah merupakan musuh utama negara dan menyebabkan pelbagai implikasi terhadap seseorang individu. Antara berikut, manakah merupakan kesan penyalahgunaan dadah terhadap seseorang pelajar?
- I Pelajar semakin fokus dalam pelajaran
II Pelajar bergiat aktif dalam bidang sukan
III Meningkatkan kadar metabolisme badan pelajar
IV Pelajar tidak gelisah dalam menghadapi masalah
- A. I dan III sahaja
B. II dan IV sahaja
C. II, III dan IV sahaja
D. I, II, III dan IV

SULIT

BBD 30302

- S72** Unit bimbingan dan kaunseling di sesebuah institusi pendidikan berperanan membantu klien menyelesaikan masalah seperti masalah pelajaran. Antara berikut, manakah menerangkan tujuan bimbingan belajar dengan tepat?
- I Memahami nilai-nilai yang ada dalam dirinya dan masyarakat di sekitarnya
 - II Mengembangkan pemahaman dan manfaat sosial serta budaya di persekitaran sekolah
 - III Membangunkan disiplin belajar dan terlatih, sama ada secara sendiri mahupun kelompok
 - IV Perkembangan sikap yang baik terutama dalam mengerjakan tugas untuk mengembangkan ketrampilan
- A. I dan III sahaja
 - B. I, II dan IV sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV
- S73** Antara berikut, manakah menerangkan proses kaunseling berdasarkan Teori Realiti dengan tepat?
- I Menilai alternatif
 - II Fokus kepada masa sekarang
 - III Tidak menerima sebarang alasan
 - IV Fokus kepada tingkah laku semasa
- A. I, II dan III sahaja
 - B. I, III dan IV sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV
- S74** Antara berikut, manakah merupakan peranan kaunselor berdasarkan Teori Realiti?
- I Mewujudkan perhubungan yang terbuka, mesra, akrab dan jujur dengan klien
 - II Melaksanakan strategi yang dirancang dan mestilah komited dengan rancangan tindakannya
 - III Membimbing klien untuk menilai sendiri tingkah lakunya dan seterusnya membuat keputusan
 - IV Mengajar dan menggalakkan klien melaksanakan pelan tindakan untuk mengubah tingkah lakunya
- A. I dan II sahaja
 - B. I, III dan IV sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV

- S75** Apakah cara terbaik untuk membina hubungan dalam sesi awal pertemuan kaunselor dengan kliennya?
- I Menyatakan persamaan yang mungkin ditemui antara kaunselor dengan klien
 - II Berkongsi pengetahuan tinggi yang belum pernah didengari oleh klien sebelum ini
 - III Mengenal pasti tahap pemikiran klien dan cuba meletakkan diri pada tahap tersebut
 - IV Menjauhkan diri daripada menyampuk percakapan klien sehingga mengganggu ideanya
- A. I dan II sahaja
 - B. I, II dan IV sahaja
 - C. I, III dan IV sahaja
 - D. II, III dan IV sahaja
- S76** Teknik-teknik ini merupakan strategi membawa keluar konflik dalaman melalui suatu proses sebenar yang melibatkan setiap aspek termasuk pergerakan tubuh badan. Antara berikut, manakah merujuk kepada teknik-teknik tersebut?
- I *Rehearsal*
 - II *Empty chair*
 - III *Dream work*
 - IV *Exaggeration*
- A. I dan II sahaja
 - B. I, III dan IV sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV
- S77** Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang disediakan di sekolah merangkumi pelbagai bidang seperti perkhidmatan perundingan dan sumber rujukan. Antara berikut, manakah merupakan perkhidmatan perundingan dan sumber rujukan yang disediakan oleh sebuah sekolah?
- I Membantu ibu bapa atau penjaga pelajar dalam hal berkait dengan kebajikan pelajar
 - II Merancang bersama-sama dengan guru-guru tentang cara yang paling berkesan untuk mengawasi kemajuan pelajar
 - III Membantu pihak pentadbir dan staf sekolah dalam memahami dengan mendalam tentang program bimbingan di sekolah
 - IV Membantu bekas pelajar sekolah berkenaan dalam hal berkaitan dengan soal peribadi, kerjaya, pelajaran dan sebagainya apabila diminta
- A. I dan II sahaja
 - B. III dan IV sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. I, II, III dan IV

- S78** Setiap teori dalam bidang bimbingan dan kaunseling mempunyai matlamat yang tertentu. Antara berikut, manakah merupakan matlamat Teori Eklektik?
- I Membantu klien menghindari alasan
 - II Meningkatkan keberanian dan nilai diri
 - III Membantu klien bina matlamat hidup yang realistik
 - IV Mendidik klien ambil tanggungjawab terhadap diri atau sesuatu
- A. I dan II sahaja
 - B. I, III dan IV sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV
- S79** Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang ditawarkan di sekolah terbahagi kepada beberapa bidang seperti bimbingan peribadi dan sosial. Antara berikut, manakah merupakan peranan bimbingan peribadi dan sosial?
- I Memiliki kesedaran diri
 - II Menyelesaikan konflik rakan
 - III Mengembangkan sikap positif
 - IV Membuat keputusan pilih kerjaya dengan efektif
- A. I dan III sahaja
 - B. I dan IV sahaja
 - C. II dan III sahaja
 - D. II dan IV sahaja
- S80** Persatuan Kaunselor Malaysia (PERKAMA) ialah persatuan yang berperanan penting dalam pelaksanaan dan kawalan terhadap kaunselor di Malaysia. Antara berikut, manakah perkara utama dalam kod tatalaku yang perlu dipatuhi oleh kaunselor Malaysia?
- I Sentiasa berusaha menilai dan meningkatkan pengetahuan dalam bidangnya
 - II Menjalankan tugasnya dengan penuh rasa tanggungjawab, objektif dan jujur
 - III Menjaga tatalakunya demi memelihara piawai dan identiti sebagai kaunselor
 - IV Tugasnya mestilah sentiasa diawasi dan dinilai oleh Lembaga Pengurus Sekolah
- A. I dan II sahaja
 - B. I dan III sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. I, II, III dan IV

-SOALAN TAMAT-